

# Pemilik tanah diberi notis

## Tanah di Taman Saga Ampang dipercayai jadi lokasi buang sampah haram

KAJANG - Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat telah mengeluarkan Notis 7A kepada pemilik tanah berhubung isu tanah di Taman Saga Ampang yang dipercayai menjadi lokasi pembuangan sampah haram.

Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Mohamad Samat berkata, pihaknya dimaklumkan pemilik tanah itu telah diarahkan membersihkan dan membaik pulih tanah milik mereka dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis itu dikeluarkan pada 21 Ogos lalu.

"Sekiranya pemilik tanah ingkar, tanah mereka boleh dirampas seterusnya menjadi milik kerajaan," katanya sambil memberitahu mesyuarat penyelarasan berhubung isu itu telah diadakan bersama, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPAJ, Zuraina Said; Penolong Pegawai Daerah Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, Muhammad Razif Ruba'ai; Prolintas; pemaju Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Hulu Kelang (Suke) dan pemilik tanah berkenaan, baru-baru ini.

"Secara keseluruhan, saya berpuas hati dengan beberapa keputusan mesyuarat berkenaan. Jabatan Perancang Bandar MPAJ juga telah mengeluarkan notis yang dalam bidang kuasa MPAJ, di mana sekiranya pemilik tanah ingkar, mereka boleh dikenakan



Mesyuarat diadakan bagi menyelesaikan isu lokasi sampah haram.

**INFO** • Jika pemilik tanah ingkar, tanah mereka boleh dirampas seterusnya jadi milik kerajaan

denda maksima RM500,000," katanya.

Jelasnya, pemilik tanah itu akan bertanggungjawab mematuhi arahan pihak berkuasa.

"Pihak MPAJ juga kesal dan memohon maaf kepada semua pihak yang terjejas terutamanya penduduk Taman Saga Ampang dan berjanji akan ambil tindakan serta merta bagi mengeluarkan semua sampah sekali gus

memastikan tiada lagi pihak boleh masuk ke lokasi berkenaan," katanya.

Tambahnya, pihak MPAJ melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pejal akan bantu pemilik tanah memastikan sampah-sampah yang dikeluarkan dibuang di tempat betul iaitu di Pusat Pelupusan Sampah di Sungai Kertas, Gombak dan di Jeram, Sungai Besar.

"Penguat kuasa Pejabat Tanah juga akan sentiasa pantau proses ini sehingga selesai kerja pembersihan seterusnya pemulihan tanah tersebut,"

### Punca bau busuk terbongkar

MPAJ kesan tapak pembuangan sampah haram berdekatan kawasan perumahan di Taman Saga

AMPAJ - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah mengeluarkan Notis 7A kepada pemilik tanah berhubung isu tanah di Taman Saga Ampang yang dipercayai menjadi lokasi pembuangan sampah haram. Pihak MPAJ telah mengeluarkan Notis 7A kepada pemilik tanah itu yang telah diarahkan membersihkan dan membaik pulih tanah milik mereka dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis itu dikeluarkan pada 21 Ogos lalu.



Laporan Sinar Harian, 10 Ogos lalu.

katanya. Pada 10 Ogos lalu, akhbar ini melaporkan tanah seluas lapan ekar dikesan MPAJ dipercayai diteroka pihak tidak bertanggungjawab, dijadikan tapak pembuangan dan pelupusan sampah haram di Taman Saga di sini.